



**PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

IKLAN JAWATAN KOSONG

1. (a) Jawatan : **Penolong Pegawai Tadbir Gred N29**
(b) Kementerian / Jabatan : Pihak Berkuasa Peranti Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia
(c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan
2. Gaji Yang Ditawarkan : RM 2,253.00 (sebulan)
3. Syarat Lantikan : (a) Warganegara Malaysia;
(b) Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
(c) Hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
(d) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan atau;
(e) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan atau;
(f) Sijil Matrikulasi Kementerian Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan atau;
(g) diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
4. Taraf Jawatan : **Contract For Service (CFS)**
5. Penaklukan Di Bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N29 adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim Perkhidmatan yang berkenaan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
6. Fungsi Bidang Tugas : a) Menyampaikan perkhidmatan sokongan di Bahagian Hubungan Antarabangsa dan Industri berkaitan kawalan regulatori peranti perubatan, Perdagangan Antarabangsa, Import dan Eksport serta kerjasama Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC).
b) Menyokong pengurusan bertugas rasmi ke luar negara bagi pelaksanaan aktiviti-aktiviti hubungan antarabangsa yang dirancang oleh MDA.



- c) Membantu penganjuran persidangan, bengkel, dan mesyuarat bertaraf antarabangsa berkaitan dengan peranti perubatan.
- d) Membantu pengurusan data dan rekod berkaitan dengan aktiviti-aktiviti hubungan antarabangsa MDA yang berkaitan dengan kawalan regulatori peranti perubatan.

7. **Cara Memohon** : Pemohon hendaklah menghantar salinan dokumen – dokumen berikut yang telah siap dikokot/*distapler*) mengikut turutan.

- a) Resume Calon (berserta gambar berukuran pasport);
- b) Kad Pengenalan;
- c) Sijil Kelahiran;
- d) Sijil Tamat Persekolahan;
- e) Sijil STPM/STAM/SPM/PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- f) Sijil Ijazah dalam bidang berkaitan berserta transkrip;
- g) Pengiktirafan kelayakan Ijazah/Diploma/Sijil daripada JPA/ MQA (sekiranya pemohon adalah lepasan IPTS) dan
- h) Lain-lain dokumen sokongan.


Ke alamat:

UNIT KHIDMAT PENGURUSAN
PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN
ARAS 6, PRIMA 9, PRIMA AVENUE II,
BLOK 3547, PERSIARAN APEC,
63000 CYBERJAYA, SELANGOR

(sila tulis nama jawatan yang dimohon di sebelah kiri atas sampul surat)

- (i) Pemohon-pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan / Badan Berkanun / Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing, dan disertakan dengan salinan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan dan kenyataan Perkhidmatan yang terkini.
- (ii) Permohonan yang tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan atau tidak lengkap akan ditolak.
- (iii) Hanya calon-calon yang berkelayakan setelah ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.

8. **Tarikh Tutup Permohonan** : 1 Oktober 2024 (Selasa) jam 3.00 petang


NURUL AINI BINTI SURIP
Pihak Berkuasa Peranti Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Tarikh: 12 September 2024

